

20 APR 2001

MTUC-Piket

MTUC TERUSKAN PIKET PADA 12 MEI

PETALING JAYA, 20 April (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) memutuskan untuk meneruskan piket di seluruh negara pada 12 Mei ini sebagai bantahan terhadap pengurusan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP).

Keputusan berpiket itu dicapai sebulat suara pada mesyuarat Majlis Am kongres itu di ibu pejabat MTUC di Subang Jaya petang ini.

Semasa mengumumkan keputusan itu, presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata sejumlah 130 daripada 230 kesatuan gabungan menghadiri mesyuarat itu dan bersetuju sebulat suara untuk berpiket.

"Kami berpegang teguh kepada keputusan kami untuk berpiket pada 12 Mei seperti yang diputuskan oleh jawatankuasa kerja pusat MTUC yang bermesyuarat pada 6 April. Ini kerana keseluruhan tenaga kerja negara bimbang dengan cara KWSP menangani tabung pekerja itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat satu setengah jam itu.

Beliau berkata piket di seluruh negara itu akan diadakan di hadapan semua pejabat KWSP negeri secara aman.

Zainal berkata bagaimanapun semua penyandang jawatan utama MTUC dijemput bermesyuarat dengan pengurusan KWSP, yang diketuai pengerusi barunya Tan Sri Halim Ali, pada 27 April ini.

Ditanya sama ada piket itu akan dibatalkan jika KWSP, yang mempunyai kira-kira 9.7 juta pencarum, bersetuju memenuhi tuntutan MTUC, Zainal berkata mereka akan menimbangkannya.

Setiausaha agung MTUC G. Rajasekaran pula berkata tidak ada sebab bagi kongres itu, yang mempunyai 600,000 anggota, berpiket jika KWSP memenuhi tuntutan mereka selain memberi jaminan bahawa masalah yang ada ditangani segera.

MTUC tidak berpuas hati dengan KWSP mengenai beberapa perkara termasuk penswastan skim anuiti persaraan pencarum yang dikendalikan oleh beberapa syarikat insurans dan pengurangan faedah kematian dan hilang upaya pencarum dari RM30,000 ke RM2,000.

Selain itu, MTUC turut membantah mengenai bayaran dividen yang rendah, penggunaan dana KWSP untuk membantu syarikat bermasalah dan pengurangan caruman dari 11 peratus kepada 9 peratus.

Zainal berkata MTUC akan menyediakan satu memorandum yang menyeluruh mengenai perkara itu dan akan dikemukakan pada mesyuarat dengan KWSP pada 27 April ini.

Zainal juga berkata Majlis Am MTUC tidak bersetuju dengan pengurangan caruman pekerja dari 11 peratus kepada 9 peratus seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Beliau berkata para pekerja berhak mengekalkan caruman pada kadar 11 peratus dan mereka harus memaklukkannya kepada majikan masing-masing.

"Jika syarikat-syarikat tidak mahu mencarum pada 11 peratus, para pekerja diminta berpiket di hadapan syarikat mereka atau membuat laporan polis terhadap majikan mereka kerana pecah amanah," katanya.

Ditanya tentang tarikh berpiket itu yang sama dengan sambutan Hari Pekerja pada 12 Mei dan mesyuarat Menteri-menteri Buruh Asean pada di Kuala Lumpur pada 8 hingga 11 Mei, Zainal berkata MTUC tidak tahu menahu tentang acara itu apabila ia memilih tarikh berkenaan.

-- BERNAMA

SR NHA NAK